

KATEGORI PROJEK ICT UNTUK KELULUSAN JPICT RTM

Kategori Projek ICT	Skop Projek
Projek ICT Baharu	<p>a. Pembangunan Sistem Aplikasi yang dimaksudkan merangkumi pembangunan sistem aplikasi menggunakan perisian pembangunan, <i>customization</i> dan/atau integrasi</p>
	<p>Contoh : Pembangunan Sistem Aplikasi eTempahan</p>
	<p>b. Perkakasan ICT yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkakasan atau peranti elektronik yang diperlukan untuk melaksanakan sesuatu projek ICT, iaitu peralatan input/output.</p>
	<p>Contoh : Perolehan perkakasan ICT untuk keperluan Video Conferencing (Server, workstation, pencetak, perisian video conferencing, dsb), Perolehan Perkakasan ICT untuk keperluan Makmal Komputer dan perolehan lain seumpamanya.</p>
	<p>c. Perisian ICT yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perisian sistem, perisian aplikasi dan lesen perisian (pembelian dan pembaharuan). Perisian sistem merangkumi sistem operasi, pangkalan data dan perisian bagi membangunkan sistem. Perisian aplikasi ialah perisian yang digunakan untuk menyokong kerja-kerja harian dalam urusan pengurusan dan pentadbiran pejabat serta pengajaran dan pembelajaran</p>
	<p>Contoh : Microsoft Office, Adobe Photoshop dan seumpamanya.</p>
	<p>d. Rangkaian ICT yang dimaksudkan merangkumi perolehan perkakasan, perolehan perisian dan perolehan perkhidmatan bagi menyediakan kemudahan rangkaian luas [Wide Area Network (WAN)], rangkaian setempat [Local Area Network (LAN)] dan rangkaian tanpa wayar</p>

Kategori Projek ICT	Skop Projek
	<p>Contoh : Perolehan perkakasan rangkaian Local Area Network seperti switch, router, firewall dan seumpamanya.</p> <p>e. Perkhidmatan-perkhidmatan lain berasaskan ICT yang dimaksudkan merangkumi semua jenis perkhidmatan teknikal yang diperolehi daripada syarikat perunding swasta, kontraktor dan syarikat-syarikat lain yang berkaitan.</p> <p>Contoh : Instansi dan konfigurasi perkakasan / perisian, Latihan Penggunaan Aplikasi / Pemindahan Teknologi (TOT), Pengurusan Data, Sewaan Perkakasan ICT, Perkhidmatan Hosting, System Migration dan seumpamanya.</p>
<p>Peningkatan Sistem</p>	<p>Peningkatan sistem bermaksud :</p> <ol style="list-style-type: none"> mempertingkatkan keupayaan; perubahan dan/atau pertambahan skop/tempoh; change request (CR); atau menaik taraf <p>perkakasan, perisian, rangkaian, aplikasi dan/atau perkhidmatan ICT.</p> <p>Contoh : peningkatan perkakasan dari segi konfigurasi dan kapasiti, pengemaskinian fungsi dalam sistem ICT sedia ada kepada tahap yang lebih baik, peningkatan saiz lebar jalur (bandwidth) serta peluasan rangkaian, perubahan dan/atau pertambahan skop perkhidmatan sedia ada kepada yang lebih baik dan seumpamanya.</p>
<p>Pertambahan Peralatan</p>	<p>Pertambahan peralatan bermaksud menambahkan bilangan bagi mana-mana perkara di bawah kategori perkakasan, perisian dan/atau rangkaian bagi projek ICT sedia ada.</p> <p>Contoh : Perolehan Pertambahan Komputer dan perisian untuk keperluan Makmal Komputer Sekolah.</p>
<p>Peluasan Projek</p>	<p>Peluasan (roll-out) projek bermaksud memperkembangkan pelaksanaan projek ICT dari lokasi sedia ada ke lokasi-lokasi lain atau dengan menambah bilangan pengguna di lokasi yang sama atau pun kedua-duanya sekali.</p> <p>Contoh : Perolehan peluasan capaian rangkaian internet bagi agensi di Negeri.</p>